



LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar serta berkelayakan untuk membuat tawaran bagi kerja berikut:

RUJ.	TAJUK	SYARAT PENDAFTARAN	TAKLIMAT TENDER	HARGA DOKUMEN	TEMPOH JUALAN DAN PENGAMBILAN DOKUMEN TAWARAN	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU TUTUP TAWARAN
LLM/ UB/TN- 2/1/4/26	CADANGAN KERJA-KERJA PEMASANGAN LAMPU JALAN JENIS LED BERKUASA SOLAR DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI LOKASI-LOKASI ANTARA PERSIMPANGAN BERTINGKAT SUNGAI BULOH DAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT GURUN, LEBUHRAYA UTARA SELATAN E1 (UTARA)	Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	Tarikh: 21 April 2026 Masa: LLM/UB/TN-2/1/4/26 - 10.00 pagi LLM/UB/TN-3/2/4/26 - 11.00 Pagi LLM/UB/TN-4/3/4/26 - 2.30 Petang LLM/UB/TN-5/4/4/26 - 3.30 Petang	Harga dokumen adalah sebanyak RM300.00 setiap naskhah dan tidak dikembalikan. Bayaran hendaklah dibuat atas nama Ketua Pengarah LLM dengan menggunakan 'LLM Payment Gateway Service' di laman web rasmi LLM iaitu melalui pautan pembelian online yang dipaparkan dalam iklan ini. Hanya kontraktor yang menghadiri taklimat tender dibenarkan membeli dokumen. Sebarang pertanyaan mengenai pembelian boleh menghubungi talian 03-8738 3033/3106 (Bahagian Ukur Bahan Dan Kontrak).	<u>Tempoh Jualan:</u> 21 April 2026 hingga 30 April 2026 <u>Pengambilan Dokumen Yang Telah Dibeli:</u> Bahagian Ukur Bahan Dan Kontrak, Tingkat 1, Blok A, Ibu Pejabat LLM, KM 6, Jalan Serdang-Kajang, 43000 Kajang, Selangor. <u>Isnin - Khamis:</u> 8.30 pagi – 1.00 tengah hari 2.00 petang – 4.30 petang <u>Jumaat:</u> 8.30 pagi – 12.15 tengah hari 2.45 petang – 4.30 petang *PERHATIAN: Sila cetak resit bayaran sebagai bukti apabila mengambil dokumen di kaunter Bahagian Ukur Bahan Dan Kontrak, Tingkat 1, Blok A, Ibu Pejabat LLM, KM 6, Jalan Serdang-Kajang, 43000 Kajang, Selangor.	Bahagian Ukur Bahan Dan Kontrak, Tingkat 1, Blok A, Ibu Pejabat LLM, KM 6, Jalan Serdang-Kajang, 43000 Kajang, Selangor. Tel: 03-8738 3033/3106 <u>Tarikh Tutup:</u> 11 Mei 2026 jam 12.00 tengah hari Tawaran hendaklah diterima sebelum atau pada tarikh tutup di atas. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Bukti penghantaran melalui pos tidak boleh dijadikan sebagai bukti pengemukakan dokumen tawaran pada tarikh tutup tawaran.
LLM/ UB/TN- 3/2/4/26	CADANGAN KERJA-KERJA PEMASANGAN LAMPU JALAN JENIS LED BERKUASA SOLAR DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI LOKASI-LOKASI ANTARA KARAK DAN BENTONG, LEBUHRAYA KUALA LUMPUR – KARAK E8, ANTARA PERSIMPANGAN BERTINGKAT CHENOR DAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT GAMBANG, LEBUHRAYA PANTAI TIMUR FASA 1 E8 DAN ANTARA PERSIMPANGAN BERTINGKAT BUKIT BESI DAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT AJIL, LEBUHRAYA PANTAI TIMUR FASA 2 E8	Gred G6 ke atas Kategori ME Pengkhususan E11 Dan E16	Tempat bagi melapor diri bagi taklimat tender adalah: Tempat: Auditorium, Blok B, Ibu Pejabat LLM, KM 6, Jalan Serdang-Kajang, 43000 Kajang, Selangor. No. Tel Untuk Dihubungi: 03-8738 3033/3106 (KEHADIRAN TAKLIMAT TENDER ADALAH DIWAJIBKAN)	Hanya penama di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh menghadiri sesi taklimat tender. Wakil selain daripada penama adalah tidak dibenarkan. Kontraktor perlu membawa bersama sijil asal dan salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) berserta kad pengenalan semasa menghadiri sesi taklimat.		
LLM/ UB/TN- 4/3/4/26	CADANGAN KERJA-KERJA PEMASANGAN LAMPU JALAN JENIS LED BERKUASA SOLAR DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI LEBUHRAYA SEREMBAN – PORT DICKSON E29 (SPDH) DAN LOKASI-LOKASI ANTARA PERSIMPANGAN BERTINGKAT SENAWANG DAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT PEDAS LINGGI, LEBUHRAYA UTARA SELATAN E2 (SELATAN)	Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Dan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate (TCC))				
LLM/ UB/TN- 5/4/4/26	CADANGAN KERJA-KERJA PEMASANGAN LAMPU JALAN JENIS LED BERKUASA SOLAR DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI LOKASI-LOKASI ANTARA PERSIMPANGAN BERTINGKAT AYER KEROH DAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT YONG PENG (UTARA) LEBUHRAYA UTARA SELATAN E2 (SELATAN)					

- Syarat-syarat, arahan dan maklumat lanjut mengenai tawaran ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Tawaran dan boleh diperolehi di alamat sepertimana yang dinyatakan di atas.
- Dokumen Tawaran** akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang telah diberi kuasa dengan sepenuhnya sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa bersama-sama Surat Perwakilan Kuasa dan mengemukakan salinan asal Sijil Perakuan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) yang masih berkuatkuasa dan satu salinan pendua bagi sijil-sijil berkenaan serta bukti pembayaran pembelian dokumen semasa mengambil Dokumen Tawaran.
- Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.
- Semua perbelanjaan yang terlibat untuk membuat tawaran atau tender berkenaan atau apa-apa perbelanjaan bersangkutan dengannya adalah menjadi tanggungan syarikat sepenuhnya. Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa jua kos yang terlibat dan tidak bertanggungjawab untuk membayar balik apa-apa kos yang ditanggung oleh pihak syarikat.